

**TEKS UCAPAN ALUAN  
Y.BHG. PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA 2019/2020**

**4 September 2019, 3.30 petang  
Dewan Canselor UTeM**

Bismillahirahmanirrahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Noor Effandi bin Ahmad**

Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains dan Inovasi Negeri Melaka

**Y.Bhg. Prof. Datuk Teknologis Dr. Mohd. Razali Bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd. Manap**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Penolong-Penolong Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Kanan  
Universiti**

**Majlis Perwakilan Pelajar UTeM. Rakan Media , Jawatankuasa  
Pelaksana MHS, para fasilitator MHS**

**Mahasiswa dan mahasiswi baharu Universiti Teknikal  
Malaysia Melaka seterusnya hadirin yang dikasihi sekalian**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk berhimpun bersama mahasiswa dan mahasiswi baharu UTeM sempena Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2019/2020 Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada petang ini.

2. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti ingin mengambil kesempatan ini mengalu-alukan serta merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Noor Effandi bin Ahmad, Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains Dan Inovasi Negeri Melaka yang mewakili Ketua Menteri Melaka** kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita dalam majlis perasmian Minggu Haluan Siswa 2019/2020 pada petang ini.

3. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada **2,184** mahasiswa dan mahasiswi baharu yang telah berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga UTeM, untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Daripada jumlah ini, seramai:

- a. **218** pelajar berdaftar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik,
- b. **166** pelajar di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

- c. **208** pelajar di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- d. **63** pelajar di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- e. **398** pelajar di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- f. **413** pelajar di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan
- g. **373** pelajar di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

- h. **Dan 345** pelajar di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.
4. Selamat Datang ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka, universiti awam teknikal yang pertama di Negara ini, dan Selamat Datang ke Negeri Melaka, negeri tersohor dengan kota bersejarah yang mendapat pengiktirafan dari UNESCO sebagai Bandar Warisan Dunia.

**Pukulan tabuh warisan pusaka,  
Beduk bergema gemersik suara;  
Hadiri saudara saudari ke UTeM Melaka,  
Kami Menyambut Penuh Gembira.**

5. Sebagai makluman Yang Berhormat, Minggu Haluan Siswa ini turut melibatkan seramai **505** pelajar Diploma yang telah mendaftarkan diri pada bulan Jun yang lepas.
6. Jumlah ini menjadikan bilangan keseluruhan mahasiswa dan mahasiswi yang berada di dalam Dewan Canselor ini seramai **2,689** orang.

7. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada saudara dan saudari yang berjaya melangkah ke alam Menara Gading yang menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dan harapan semua orang, untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi namun bukan semua orang mampu meraihnya.

8. Anak-anak pelajar di hadapan saya ini adalah antara yang terpilih, sedangkan masih ramai di luar sana yang bersedih kerana tidak dapat merasai peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.
9. Oleh itu, saya menasihati anak-anak sekalian untuk menghargai peluang ini dengan sebaik-baiknya. Buktikan penghargaan tersebut menerusi pencapaian yang cemerlang dalam aspek akademik mahupun bukan akademik.

10. Sebagai makluman semua, pada tahun 2018, UTeM telah mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan atau GE sebanyak 86.1% sekaligus menyenaraikan UTeM sebagai Universiti ketiga terbaik di kalangan Universiti Awam di negara ini. Apa yang diharapkan, saudara dan saudari, ahli keluarga baharu UTeM yang ada di dewan ini, dapat menetapkan matlamat untuk belajar bersungguh-sungguh dan mencapai kecemerlangan akademik mahupun bukan akademik, sekaligus menyumbang kepada kadar kebolehpasaran graduan UTeM yang lebih baik lagi.

**Yang Berhormat, Mahasiswa dan mahasiswi yang dikasihi sekalian,**

11. Memasuki tahun ke 19 penubuhan Universiti ini, UTeM memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan insan holistik, cemerlang dan seimbang dalam segenap aspek keperluan. Pihak Universiti akan terus menunaikan tanggungjawabnya mengeluarkan graduan yang berkualiti tinggi, yang memenuhi aspirasi tinggi negara, khususnya di

dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Pengurusan Termaju.

12. Program Minggu Haluan Siswa yang dianjurkan bermula pada 3 September hingga 7 September 2019 ini merupakan komitmen kami, di UTeM untuk memberi perkhidmatan yang terbaik menerusi pengisian slot penerangan kepada mahasiswa dan mahasiswi sebagai persediaan awal untuk meneruskan kehidupan sepanjang pengajian di Universiti ini.

MHS juga merupakan platform terpenting kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di universiti yang semakin mencabar dan berbeza dengan kehidupan semasa pengajian di matrikulasi, politeknik, dan sebagainya.

13. Seperkara lagi yang perlu diambil perhatian oleh mahasiswa dan mahasiswi sekalian ialah menjaga perpaduan warga kampus. Ambillah kesempatan di sepanjang MHS ini berlangsung, untuk berinteraksi dengan sahabat handai dari pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang. Ini secara langsung dapat menyemai perasaan toleransi, hormat-menghormati, memahami antara satu dengan yang lain, apatah lagi kita masih berada di dalam kehangatan sambutan

kemerdekaan negara ke-62, Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih.

**Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,**

14. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco kerana sudi hadir untuk bersama-sama kita pada petang ini.
15. Semoga kemesraan ini akan berpanjangan dan mengukuhkan lagi hubungan erat sesama kita.

16. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM, Fasilitator, di atas usaha dan komitmen tinggi yang diberikan sepanjang majlis ini berlangsung.

Gerak seiring berpegang tangan,  
Bersama harungi segala halangan,

Berjanji TUAH dengan pegangan,  
Merintis Teknologi Menerajui Kegemilangan.

Seberang sungai mendayung sampan,  
Pendayung disimpan di atas sisi,  
Peluang diberi menjadi harapan,  
Bersama UTeM merealisasi aspirasi.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum  
wbt.